

29/10/2003

Malaysia perlukan pakar bertaraf dunia: Mahathir

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu negara mempunyai sumber manusia yang mampu melahir dan membentuk pemimpin bertaraf dunia dalam pelbagai bidang.

Untuk itu, Perdana Menteri berkata, rakyat perlu berusaha ke arah anjakan paradigma dalam pemikiran mereka serta tidak mudah berpuas hati kerana matlamat Wawasan 2020 masih separuh jalan.

Rakyat harus menjadi masyarakat yang lebih bertanggungjawab, moden dan progresif dengan pintar berfikir, bangga terhadap pencapaian serta yakin kepada keupayaan diri dan negara, selaras dengan era teknologi maklumat kini.

Beliau berkata, kekuatan ekonomi bersandarkan maklumat yang menjadi teras Wawasan 2020 adalah berasaskan kepada kewujudan rakyat terlatih bagi menguruskan aset penting negara.

"Dengan keupayaan kita untuk membangun dan mengurus ekonomi dengan berjaya, Malaysia kini dianggap sebagai model negara membangun. Banyak pemimpin dan pegawai dari negara membangun datang belajar pengalaman pembangunan kita.

"Pegawai Malaysia kerap dijemput oleh negara lain untuk memberi nasihat dan latihan dalam pelbagai aspek pentadbiran serta pembangunan.

"Semua pencapaian ini memerlukan perubahan dalam pemikiran rakyat ke arah menerima nilai dan sikap positif terutama kecekalan dan keazaman, sedia bersaing, keyakinan diri, ketahanan dan kesanggupan untuk mencuba,"

katanya ketika melancarkan Pusat Antarabangsa Kepimpinan Kewangan (ICLIF) di sini semalam.

ICLIF itu ditubuhkan bagi mempercepatkan pembangunan kemahiran pengurusan atasan bagi sektor kewangan dan perbadanan seluruh Asean. Diperbadankan Ogos lalu sebagai syarikat berhad dengan jaminan geran RM500 juta, ICLIF bekerjasama dengan pusat pengajian perniagaan antarabangsa dan institusi terkemuka untuk menyediakan program eksekutif yang disesuaikan dengan keperluan industri kewangan serta perbadanan.

Dr Mahathir yang akan bersara Jumaat ini berkata, kepemimpinan yang hebat sama ada dalam sektor awam atau swasta, adalah satu keperluan bagi mencapai Wawasan 2020.

Katanya, rakyat juga perlu menoleh ke belakang untuk "melihat di mana kita berada sekarang dan bagaimana negara mencapai kemajuan ke tahap ini kerana ia penting untuk mengelak melakukan kesilapan lalu."

"Ini penting kerana kita tidak secara membuta mengguna pakai model pembangunan Barat. Kita menggunakan acuan sendiri dan banyak belajar dalam proses itu. Sikap kita dan apa yang kita lakukan pada masa lalu, sama

ada

betul atau tidak, boleh bertindak sebagai panduan untuk kita di masa akan datang," katanya.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, ketika Malaysia mencapai Kemerdekaan pada 1957, bilangan penduduknya hanya lima juta orang dengan pendapatan perkapita AS\$300 tetapi hari ini jumlah penduduk adalah 25 juta orang dan pendapatan perkapita meningkat kepada AS\$4,000.

Semua itu tidak berlaku begitu saja kerana Malaysia merancang, menggunakan strategi serta memperkenalkan dasar dan kaedah yang kebanyakannya berorientasikan pasaran dalam pelbagai rancangan pembangunan negara dan melaksanakannya dengan berkesan.

Perdana Menteri berkata, satu bukti mengenai kejayaan strategi negara ialah apabila 82 peratus daripada eksport Malaysia kini yang berjumlah hampir AS\$100 bilion, terdiri daripada barangan perkilangan.

Beliau berkata, perindustrian membantu ke arah pertumbuhan ekonomi Malaysia, dengan mewujudkan peluang pekerjaan dan menambah pendapatan selain mendorong pembinaan infrastruktur moden.

"Namun, selama ini, kita berhemah dalam perbelanjaan kita, dengan berbelanja pada kadar yang termampu, dan meminjam apa yang kita boleh bayar," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga sentiasa mengikuti perkembangan dalam kemajuan teknologi dan menggalakkan pemilikan teknologi baru bagi industri baru.

Katanya, ketika teknologi maklumat (IT) dilihat mampu menjadi sumber penting bagi pertumbuhan, kerajaan bertindak pantas dan menggalakkan IT dengan menyediakan wang serta insentif untuk pelaburan tempatan dan asing dalam bidang itu.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan sudah mengambil inisiatif untuk menggalak dan melaksanakan program bagi pembelajaran berterusan untuk rakyatnya.

Ini termasuk melalui penyediaan kemudahan mengikuti kursus latihan dan program pendidikan menerusi Internet dan media ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) lain supaya rakyat Malaysia berpeluang mendapatkan kemahiran baru serta kelayakan untuk maju dalam kerjaya.

Sementara itu, Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata

Malaysia terhutang budi kepada Dr Mahathir kerana kebijaksanaan beliau membawa keluar negara ini daripada krisis kewangan serantau yang teruk pada 1997/98.

"Ciri-ciri terpenting kepemimpinan beliau ialah dalam mengatasi krisis itu...ia satu peninggalan yang tidak dapat dilupakan," katanya pada majlis berkenaan.

Dr Mahathir bertanggungjawab memperkenalkan langkah kawalan modal dan tambatan ringgit pada RM3.80 bagi setiap dolar Amerika Syarikat pada September 1998 bertujuan melindungi mata wang dan ekonomi negara daripada serangan spekulatif.

Beliau juga bertindak berlawanan dengan doktrin Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang diamalkan di Indonesia, Thailand dan Korea Selatan, dan memperkenalkan dasar kewangan yang berkembang hingga menyebabkan perniagaan hidup semula, berbanding dasar kewangan ketat yang sebelum itu mengakibatkan perniagaan menjadi kaku.

"Ini merupakan satu sumbangan yang sukar dibalas oleh negara. Malaysia akan sentiasa berhutang budi kepada Tuan," katanya merujuk kepada kejayaan Malaysia mengekalkan kebebasan kewangannya dan tidak diletakkan di bawah telunjuk IMF seperti Indonesia dan Thailand.